

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEGARA

Pindaan itu memberi kesan kepada penjawat awam untuk memilih skim pencen

Cuepacs tolak pinda Akta Pencen

PETALING JAYA – Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (Cuepacs) menolak sebarang pindaan terhadap Akta Pencen 1980 bagi membolehkan pelantikan kakitangan awam ke jawatan tetap terus diberikan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Kata Presidennya, Datuk Adnan Mat, langkah itu akan melibatkan pindaan kepada Akta Pencen 1980 dan ia akan memberi kesan kepada semua penjawat awam kerana mereka tidak lagi dibenarkan memilih skim tetap berpencen ataupun caruman KWSP.

Sedangkan katanya, perkara ini sememangnya sudah sedia ada dalam Akta Pencen 1980 yang memberi pilihan kepada penjawat awam sama ada memilih skim pencen atau KWSP.

"Sebarang pindaan ke atas Akta Pencen 1980 sepatutnya tidak mengurangkan apa-apa faedah yang diterima oleh penjawat awam pada ketika ini.

"Justeru, Cuepacs berharap Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan



GAMBAR fail demonstrasi aman kakitangan perubatan kontrak di Hospital Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan.

Awam (JPA) turut melibatkan Cuepacs dalam perbincangan bagi menyelesaikan permasalahan doktor kontrak ketika ini," katanya dalam satu kenyataan di

sini semalam.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, Cuepacs menyeru kerajaan supaya tidak memberi tumpuan kepada pegawai perubatan sa-

haja dalam soal kakitangan berstatus kontrak dalam KKM.

Ujar beliau, terdapat puluhan ribu lagi perjawatan dalam KKM dan juga Kementerian lain yang

juga berstatus kontrak dan menunggu masa untuk penamatan khidmat.

"Di KKM sendiri, selain pegawai kesihatan berstatus kontrak, terdapat perjawatan lain yang kritikal masih berstatus kontrak antaranya seperti jururawat, penolong pegawai perubatan dan penolong pegawai kesihatan persekitaran.

"Mereka ini juga berada di sektor yang kritikal serta perlu diberi perhatian yang sama oleh kerajaan," ujar Adnan.

Pada masa sama, beliau, menyeru semua penjawat awam termasuk petugas di sektor kesihatan kekal fokus melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

"Setiap permasalahan yang timbul tidak wajar diterjemahkan dengan tindakan yang boleh menjejaskan tugas di sektor masing-masing.

"Tindakan mogok tidak menyelesaikan sebarang permasalahan bahkan boleh mengakibatkan lebih banyak masalah terutama kepada rakyat yang mahukan perkhidmatan awam," tegasnya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NEGARA

Inti makanan itu sudah berkulat dan berbau busuk

Beli karipap 'sampah' di bazar Ramadan

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

KUANTAN – Harapan seorang wanita untuk berbuka puasa bersama keluarga dengan menikmati karipap yang dibeli di sebuah bazar Ramadan di sini bertukar menjadi mimpi ngeri apabila karipap dibeli berkulat dan 'berbau sampah'.

Pengguna yang dikenali sebagai Emma Razali itu berkata, dia berasa teraniya apabila inti karipap yang dibelinya di sebuah bazar Ramadan di sini semalam telah berkulat dan berbau sampah.

"Mak dan kakak saya sudah termakan sekali gigit, kakak saya bagi tahu karipap rasa pahit dan bila dibuka tengok inti, terkejut inti sudah berkulat dan kulit karipap pun berminyak macam sudah banyak kali digoreng.

"Bila dibuka satu-satu karipap memang semua inti berkulat dengan pakej bau sampah dan seumur hidup saya ini makanan paling teruk yang pernah saya beli," katanya dalam Facebook-nya di sini.

Menurutnya dia membeli dua paket karipap semalam yang masing-masing dijual dengan harga RM3.50.



KARIPAP yang sudah berkulat dan berbau 'sampah' dibeli seorang pengguna di sebuah Bazar Ramadan di Kuantan semalam.

Katanya, niatnya bukanlah untuk memalukan peniaga terbabit tetapi amat kecewa memandangkan tindakan peniaga berkenaan menjual makanan yang sudah rosak itu amat melampau.

"Bayangkan kalau makanan sampah macam ini dimakan kanak-kanak dan ibu mengandung, berbaloi ke dengan untung jualan karipap itu yang menyebabkan orang lain sengsara keracunan makanan.

"Nak menjual biarlah ikhlas dan bertanggungjawab," katanya.

Sementara itu Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, pihaknya telah menerima aduan mengenai kejadian berkenaan dan akan melakukan siasatan.

"Kita akan pergi ke gerai terbabit untuk melakukan siasatan dan saya meminta orang ramai yang mempunyai aduan supaya menghantar aduan ke QR kod kami," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

HDK setuju serap jawatan tetap tanpa pencen

Sambut baik-pengumuman dibuat Menteri Kesehatan, harap ia dilaksanakan segera

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM

Gerakan Hartal Doktor Kontrak (HDK) bersetuju dengan cadangan Kementerian Kesehatan (KKM) untuk menyerap petugas perubatan berstatus kontrak ke dalam sistem perjawatan

tetap tanpa diberikan pencen.

Wakil HDK berkata, cadangan yang disuarakan KKM itu adalah solusi yang dibawa mereka kepada kerajaan sejak Julai 2021 bagi menyelesaikan masalah yang membelenggu doktor kontrak.

"Kami menyambut baik pengumuman yang dibuat Menteri Kesehatan, Dr Zaliha Mustafa tentang cadangan ini dan berharap perkara ini dilaksanakan cepat.

"Jangan ia sekadar jadi cakap-cakap kosong sebab nak halang mogok yang dirancang dalam kalangan doktor ekoran masalah ini yang masih berlarutan," katanya.

Dr Zaliha pada Khamis dilaporkan berkata, KKM sedang mengadakan

perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menyerapkan petugas perubatan berstatus kontrak ke dalam sistem perjawatan tetap tanpa diberikan pencen.

Beliau berkata, langkah itu bagi menangani bebanan tugas yang melebihi kapasiti sumber sedia ada serta untuk mengurangkan beban skim berpencen ditanggung negara ketika ini yang mencecah RM29.1 bilion pada 2021.

Gerakan HDK adalah mogok pekerja dianjurkan oleh pegawai perubatan pada 26 Julai 2021 di seluruh negara akibat masalah lantikan tetap mereka ke dalam KKM yang masih belum selesai.

Mengulas lanjut, wakil berkenaan memberitahu, HDK sememangnya mengesyorkan petugas perubatan berstatus kontrak diserap ke dalam sistem perjawatan tetap dan diberikan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Banyak kali kami bawa cadangan solusi ini kepada menteri dan Ketua Pengarah Kesehatan namun jawapannya ialah kalau nak tukar (ke skim KWSP) kena ubah Akta Pencen 1960 dan perlu kelulusan Parlimen.

"Tapi sampai sekarang perkara ini tidak diusulkan di Parlimen. Jadi bila nak ambil keputusan? Bila nak bentang di Parlimen? Bila nak implementasikan-nya?" soalnya.

Doktor kontrak dinasihat tidak sertai mogok

KAMPAR - Seramai 1,373 pegawai perubatan kontrak yang berkhidmat di Perak dinasihatkan untuk tidak menyertai mogok yang dijadualkan berlangsung pada Isnin ini.



SIVANESAN

Exco Kesehatan, Sumber Manusia, Integrasi Nasional dan Hal Ehwal Masyarakat dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A Sivanesan berkata, penganjuran mogok itu dilihat menyalahi Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan individu terlibat boleh dikenakan tindakan.

Beliau yang juga seorang peguam turut menasihatkan kumpulan terbabit untuk mendapatkan nasihat perundangan terlebih dahulu sebelum melaksanakan mogok berkenaan.

"Pihak yang boleh menganjurkan mogok mengikut Seksyen 45 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 adalah ahli-ahli kesatuan. Mereka yang tidak berkesatuan tidak dibenarkan untuk melancarkan mogok.

"Mengikut Seksyen 46 akta sama, jika melibatkan diri dalam mogok berkenaan boleh dipenjarakan melebihi satu tahun atau denda tidak lebih RM1,000 atau kedua-duanya. Tindakan sama boleh diambil kepada penganjur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mogok doktor kontrak yang dikatakan bakal berlangsung dari 3 hingga 5 April ini.

Jelas Sivanesan, melancarkan sesuatu mogok perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan masalah doktor kontrak akan dapat diselesaikan dalam tempoh beberapa tahun ini.

"Jadi saya minta doktor-doktor kontrak ini jangan ambil bahagian dalam mogok. Pelancaran mogok ada prosedurnya," katanya.



Laporan Sinar Harian yang menyiarkan isu doktor kontrak.

Ganti skim pencen dengan caruman KWSP

SHAH ALAM - Cadangan untuk menyerap petugas perubatan berstatus kontrak ke dalam sistem perjawatan tetap tanpa pencen boleh dilaksanakan hanya jika ia digantikan dengan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).



DR MURUGA

Bagaimanapun Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Muruga Raj Rajathurai berkata, pihaknya lebih mengutamakan jawatan tetap untuk semua sebaiknya diberikan mengikut kaedah semasa.

"Kami akan mengalu-alukan syor ini hanya jika ia digantikan dengan caruman KWSP.

"Malah, jawatan tetap dengan caruman KWSP telah dicadangkan oleh MMA kepada Kementerian Kesehatan Malaysia (KKM) pada

2019 semasa rundingan untuk mendapatkan lebih banyak jawatan tetap untuk doktor kontrak.

"Kami faham bahawa skim pencen adalah beban yang berat tetapi dana untuk persaraan mesti didesak," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, Dr Muruga turut berpandangan, semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan ahli Parlimen juga seharusnya menunjukkan kepimpinan melalui teladan dengan menukar skim pencen mereka kepada caruman KWSP tunggal jika skim itu terlalu membebankan.

"Sebelum ini terdapat laporan bahawa seorang ADUN atau ahli Parlimen boleh memperoleh pencen daripada pelbagai aliran daripada berkhidmat di beberapa jawatan negeri atau persekutuan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : NEGERI

Ibu hamil terbeli lauk ikan penuh ulat

Seorang wanita kesal peniaga bazar Ramadan jual ikan yang sudah busuk

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KUALA LUMPUR

Seorang pengunjung bazar Ramadan mendakwa telah dianiaya peniaga yang menjual lauk ikan sudah berulat dalam kejadian Khamis lalu.

Wanita itu yang menggunakan nama Noonafz Ismi di akaun Facebook memaklumkan, juadah berbuka puasa itu dibeli di sebuah bazar atau pasar malam berdekatan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Batu Muda di sini.

Menurutnya, makanan tersebut disedari sudah berulat ketika dia sedang menjamu se-

lera.

"Bala hari ini (Khamis), beli lauk dekat bazar atau pasar malam berhampiran flat PPR Batu Muda.

"Dah nak habis makan, baru perasan ada ulat. Bukan seekor atau dua, tapi berpuluh-puluh ekor ulat dekat perut ikan," katanya seperti dikongsikan dalam Grup Facebook Warga Sentul Batu, pada Khamis.

Kongsi wanita itu, pada awalnya dia menyangka ia adalah beras yang tidak masak tetapi selepas diteliti sememangnya itu ulat.

Wanita yang sedang hamil itu, meluahkan rasa sedih dengan sikap peniaga yang dianggap tidak bertanggungjawab.

"Saya tak minta ganti rugi cuma ikhlaskanlah niat hendak berniaga untuk pendapatan sekeluarga bukan aniaya orang macam ini. Tak berkat (rezeki) ketika bulan puasa," luahnya.

Perkongsian itu menarik

JUADAH JIJK BAZAR
RAMADAN

perhatian orang ramai yang meninggalkan komen dan bersimpati dengan nasib wanita tersebut.

Selain risaukan kesihatan wanita tersebut yang sedang berbadan dua, ada yang meminta mangsa pergi semula ke gerai tersebut untuk memaklumkan kejadian kepada peniaga terbabit.

"Pergi kedai itu dan tunjuk gambar ini, jangan berdiam diri takut orang lain terkena," komen Bro Chip.

Shaeyqa Fy pula meminta mangsa membuat laporan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) supaya peniaga berkenaan dikenakan tindakan.

"Melampaunya. Report KKM sis, biar dia (peniaga) rasa. Ya ALLAH, kesiannya awak," tulisnya.

Pemilik akaun Facebook Lelaa Bakri pula memaklumkan turut mengalami keracunan makanan ketika membeli laksa yang kuahnya hampir basi pada



Lauk ikan yang didakwa sudah berulat.

hari kelima Ramadan.

"Di mana-mana mesti terjumpa kes macam ini. Saya juga keracunan beli makanan di bazar tempat lain pada puasa kelima, kuah laksa hampir basi

dan sakit perut keesokan hari. "Mungkin ALLAH SWT hendak uji tahap kesabaran kita. Reda pada bulan mulia ini. Hendak marah tidak sampai hati," katanya.

Rasa pahit rupanya inti berkulat

KUANTAN - Sepanjang Ramadan ini, pelbagai insiden yang dialami pengguna di bazar antaranya martabak hangit, karipap inti oksigen selain harga melampau.

Terbaharu, tular di laman sosial Facebook, Warga Kuantan Official pada Khamis apabila seorang wanita berkongsi pengalaman buruk selepas terbeli karipap berkulat di sebuah bazar di sini.

Setakat jam 5 petang Jumaat, perkongsian tersebut telah mendapat 1,937 tanda suka, 335 komen dan 1,239 perkongsian oleh warganet.

Emma Razali, 28, ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Jumaat memberitahu, dia membeli dua bekas karipap di sebuah gerai di bazar dengan harga RM3.50 setiap bekas.

Menurutnya, dia dan ahli keluarganya hanya menyedari kejadian itu ketika ingin membuka.

"Mak dan kakak makan karipap tersebut dan beritahu rasa pahit," bila dibuka tengok inti dah berkulat.

"Memang terkejut bila semua intinya berkulat. Kulit pun berminyak macam dah banyak kali goreng dengan pakej bau sampah.

"Ini kali pertama saya terkena kejadian macam ini di gerai terbabit," dakwa wanita tersebut sambil memberitahu kakaknya sudah mengadu cirit-birit pada Jumaat.

Tambah Emma, dia kesal dengan tindakan peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana ia boleh menyebabkan masalah kesihatan lebih teruk khususnya jika ia membabitkan wanita hamil, kanak-kanak dan warga emas.

"Nak berniaga kenalah ikhlas dan



Dua bekas karipap yang dibeli oleh Emma pada Khamis.

bertanggungjawab. Saya bukan jenis suka nak tularkan tapi bagi saya isu makanan berkulat dijual kepada orang ramai agak melampau dan tak boleh diterim.

"Saya akan datang jumpa peniaga itu sendiri hari ini (Jumaat) dan tunjukkan karipap supaya dia dapat menilai kualiti makanan yang dijual," tegas Emma supaya ia menjadi pengajaran buat semua pihak.

Ditanya sama ada trauma dengan insiden tersebut, dia memberitahu kesibukan bekerja menyebabkan terpaksa juga membeli di bazar namun lebih berhati-hati selepas ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DALAM NEGERI

Mogok: Kami tidak lagi percaya KKM

Oleh ARIF AIMAN ASROL
ariman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kumpulan doktor kontrak tegas ingin melancarkan mogok bermula Isnin ini kerana tidak lagi percaya dengan kepimpinan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam menjaga hak mereka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengendali akaun @mogokdoktermalaysia mendedahkan mereka merupakan sekumpulan doktor kontrak yang kini berkhidmat di KKM dan tiada kaitan dengan Gerakan Hartal Doktor Kontrak.

Enggan mendedahkan identiti, jelasnya, mereka kecewa dan mendakwa kerajaan tidak menganggap mereka seperti manusia, oleh kerana itu mogok selamat tiga hari itu akan tetap dilakukan.

"Seramai 10,000 doktor kontrak di seluruh negara akan seramai, tujuan kami lakukan mogok ini adalah untuk menunjukkan kepentingan doktor dalam KKM. Jangan guna kami lepas itu 'lempar' begitu sahaja.

"Doktor kontrak ni sekarang ibarat tisu pakai buang, semasa Covid-19 melanda, kami yang

Sistem kesihatan lumpuh Isnin ini?

Oleh ARIF AIMAN ASROL
ariman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Penganjur kepimpinan mogok doktor kontrak mendedahkan orang awam supaya tidak mengunjungi hospital awam dan klinik-klinik kesihatan pada Isnin hingga Rabu ini kerana mereka berkemungkinan terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.

Sebelum Kementerian Kesihatan mengumumkan sistem toqaf, Perdana Menteri melaporkan kepada pengarah KKM dan doktor kontrak bahawa mereka akan melaksanakan sistem kesihatan awam yang digunakan oleh kira-kira 60 peratus daripada doktor 224 juta rakyat Malaysia.

Sebelum Kementerian Kesihatan mengumumkan sistem toqaf, Perdana Menteri melaporkan kepada pengarah KKM dan doktor kontrak bahawa mereka akan melaksanakan sistem kesihatan awam yang digunakan oleh kira-kira 60 peratus daripada doktor 224 juta rakyat Malaysia.



bermandi peluh malah ada meninggal dunia tetapi sekarang dibuat macam sampah, hak-hak kami tidak didengari," katanya.

Terdahulu akhbar ini melaporkan, penganjur kempen mogok doktor kontrak menasihatkan orang awam supaya tidak mengunjungi hospital awam dan klinik-klinik kesihatan pada minggu depan kerana mereka berkemungkinan terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.

Jurucakap tersebut menegaskan, jika KKM dan kerajaan melayani doktor kontrak seperti manusia, maka mustahil untuk

gerakan tersebut melancarkan mogok.

"Sekarang KKM mengalami kekurangan tenaga kerja terutama doktor. Dah sampai tahap kami terpaksa on-call sebanyak 12 kali sebulan iaitu sekali bertugas sehingga 32 jam dengan kadar bayaran RM9 sejam. Kami sangat kecewa," katanya.

"Ditanya berkenaan pesakit iaitu orang awam yang akan menjadi mangsa kepada peralihan KKM dan doktor kontrak, jurucakap tersebut enggan memberi komen dan masih berkeras protes itu tetap dilaksanakan walau apa jua keadaan.

Doktor tak patut bawa kemudaratan

PETALING JAYA: Kumpulan doktor kontrak yang ingin menyertai program mogok, Isnin ini diingatkan untuk membatalkan hasrat kerana ia akan membawa kemudaratan terhadap pesakit.

Timbalan Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Prof. Dr. Jamalludin Ab Rahman berkata, rasa tidak puas hati dan tidak percaya oleh pegawai-pegawai perubatan kepada kerajaan itu wajar serta tidak boleh dinafikan.

Namun menurut beliau, setiap doktor tidak sepatutnya melakukan sesuatu yang membawa kemudaratan kepada orang awam seperti di dalam ikrar dilafazkan mahupun dijanjikan sejak awal perkhidmatan.

"Memang apa mereka minta itu wajar, tetapi tindakan un-tuk mogok itu tidak. Sebagai seorang doktor, saya tak boleh terima kerana kita tidak sepatutnya menyebabkan kemudaratan kepada orang lain.

"Memang doktor-doktor tersebut merasakan seolah-olah sudah menemui jalan buntu, kerajaan juga sedaya upaya memenuhi permintaan mereka tetapi kita kena faham

ekonomi negara bukan mudah untuk dibina.

"Saya tidak mahu pertahan-kan bagaimana kerajaan menjalankan tugas mereka tetapi sebagai doktor tindakan mogok itu bukan sahaja membawa kemudaratan ke pesakit tetapi juga menyebabkan doktor yang tidak terlibat tertekan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu akhbar ini melaporkan, penganjur kempen mogok doktor kontrak menasihatkan orang awam supaya tidak mengunjungi hospital awam dan klinik-klinik kesihatan pada minggu depan kerana mereka berkemungkinan terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.

Akaun @mogokdoktermalaysia mendakwa sehingga kini terdapat kira-kira 10,000 doktor kontrak termasuk *house officer* yang akan turut menyertai mereka melakukan mogok.

Malah terdapat satu hantaran di akaun tersebut mendakwa mereka mendapat pesanan daripada pihak atasan yang membekukan cuti doktor-doktor pada awal April tersebut dan dipercayai ia sebagai langkah untuk mengelakkan kempen mogok itu berjaya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEWS / NATION

OP KESELAMATAN MAKANAN

88 COMPOUNDS ISSUED TO SELANGOR BAZAAR TRADERS

They were found to have violated regulations on food handlers' attire, hygiene at stalls

RUWAIDA MD ZAIN
SHAH ALAM
news@nst.com.my

THE Selangor Health Department issued 88 compounds to Ramadan bazaar traders in the state for violating regulations on food handlers' attire and hygiene at their stalls.

Its director, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, said the compounds were issued under Notice 32B of the Food Hygiene Regulations 2009 after inspections were conducted on 4,325 traders.

"Among the offences committed were not wearing an apron, failing to attend food handling courses and training, lacking typhoid vaccination, inappropriate attire and wearing personal accessories and jewellery, such as rings or bracelets, while handling food," he said yesterday.

Dr Sha'ari said there were 232 Ramadan bazaars in the state, involving 15,593 spots for traders and 46,779 food handlers.

"Op Keselamatan Makanan at Ramadan



Selangor Health Department director Dr Sha'ari Ngadiman (inset) says 4,325 Ramadan bazaar traders have been inspected under Op Keselamatan Makanan. FILE PIC

bazaars and Op Perayaan ahead of Hari Raya Aidilfitri this year are being carried out to ensure food safety throughout the fasting month according to regulations under the Food Act 1983.

"A Notice 32B will be issued if food handlers do not abide by the requirements."

Dr Sha'ari said sampling of high-risk ready-to-eat food was also conducted.

He said under Op Perayaan, packed and

canned food products were inspected.

He said food products that were not in compliance with the Food Regulations 1985 will be seized.

Checks were also being carried out for labelling compliance under the Food Act 1983, the sale of expired food, issues with food containers and damage to food packaging, he added.

He reminded consumers to be selective in their purchase of food during Ramadan and to only buy food prepared in a hygienic manner.